

Saksikan demo silat dari tiga negara

18 JUL 1977

Pencak silat

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan menganjurkan "Pesta Silat Kebangsaan '77" dan "Demonstrasi Silat Tiga Negara" sebagai sumbangannya kepada Pesta Sukan Singapura yang berlangsung Ogos ini.

Seorang jurucakap Persisi, Encik Johari Urip, bila dihubungi menerangkan, bahawa inilah kali kedua ia menganjurkan Pesta Silat ini sempena Pesta Sukan Singapura.

"Kami berharap persembahan Persisi ini akan mendapat sambutan ramai dan akan menarik lebih ramai belia kita mengambil bahagian dalam berbagai bentuk seni mempertahankan diri.

"Persisi bertujuan menggalakkan silat sebagai satu seni budaya dan sukan yang sihat dan menempatkannya di peringkat nasional di hadapan."

Ini, menurutnya, sejajar dengan seni-seni mempertahankan diri yang popular di Singapura seperti Karate, Judo, Tae Kwon Do dan lain-lain lagi.

Menurut Encik Johari, sebanyak tujuh badan menjadi kerabat Persisi: Perwanit, Pasak, Him-punan Queenstown, Per-satuan Bawean Singapura, Pertapis, Perpensis dan Badan Kesenian Melayu.

Seramal 60 orang dari ketujuh badan kerabat itu akan bertarung merebut kejuaraan Piala Haji Ya'acob Mohamed untuk kumpulan mereka.

Hadiah

Selain dari itu tiga hadiah lain akan diberikan kepada regu terbaik dalam permainan bunga atau 'jurus'; regu terbaik bagi permainan tanpa senjata dan bagi regu permainan bersenjata.

Antara silat-silat yang akan dipersembahkan ialah Senigayong, Macan Pasrah, Kuningan, Seligi Tunggal, Cekak, Hari-mau, Silat Bawean Asli, Silat Sunda, Gabungan Seni Tari dan Sunda dan Kuntau Melaka.

Persisi juga telah mengorak langkah untuk memperatkan hubungan dengan badan-badan pencak negara Jiran Indonesia dan Malaysia.

Demonstrasi Silat Tiga Negara terdiri dari 12 pendekar dari Ikatan Pencak Silat Indonesia yang bertempat di Jakarta dan lapan orang pendekar dari Malaysia yang akan diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Belia Malaysia.

Sebanyak 10 jenis silat — tujuh jenis pada tahun sudah — akan dipersembahkan dalam pesta ini.

Sementara itu, Belia-belia yang berminat hendak menceburkan diri dalam arena silat diminta menghubungi kerabat-kerabat Persisi tadi.

Persisi luaskan seni silat kepada orang2 bukan Melayu

Oleh *pencak silat*

KHAIRANI AHMAD

30 JUL 1977

SENI silat di sini akan dikembangkan hingga dapat diminati bukan saja oleh orang-orang Melayu, tetapi juga bukan Melayu.

Rancangan untuk meluaskan kegiatan itu hingga mencapai matlamat tersebut walaupun diputuskan oleh pucuk pimpinan Persekutuan Silat Singapura baru-baru ini.

Mengumumkan demikian sejourus sebelum berlepas ke Jakarta kemarin, Menteri Negara bagi Pejabat Perdana Menteri, Haji Ya'acob Mohamed yang juga menjadi presiden Persisi menerangkan:

"Rancangan - rancangan sedang disusun untuk meluaskan penyertaan orang - orang bukan Melayu dalam seni silat, sebagai mana ada di antara

masyarakat Melayu yang meminati seni mempertahankan diri yang lain."

Haji Ya'acob ke Jakarta atas undangan Gabenor Jakarta, Letenan Jeneral Tjkropranolo untuk menyaksikan puncak kejuaraan atletik Kesatuan Olimpik Nasional Indonesia, di Pekan Olahraga Senayan. Dia akan berada di sana empat hari.

Sejarah

Sebagai langkah pertama, Haji Ya'acob menjelaskan, pihaknya akan menerbitkan sebuah buku khusus mengenai seni silat dalam tiga bahasa — Melayu, Cina dan Inggeris.

Buku itu, dia menambah, bukan setakat memperkenalkan wujudnya seni silat yang baik di sini tetapi menjadikan seni silat sebagai cabang sukan. Ia akan lengkap dengan sejarah dan penciptanya serta jenis-jenisnya.

Presiden Persisi itu menerangkan, meskipun seni silat telah lama digemari di sini, tetapi bilangannya sangat kurang, terutamanya orang-orang bukan Melayu.

"Adalah wajar seperti seni-seni mempertahankan



Haji Ya'acob Mohamed

diri yang lain, seni silat juga perlu ditempatkan ke satu tempat yang dihargai dan disukai ramai," katanya.

Dia kemudian menerangkan bahawa selama di Jakarta nanti, dia akan berusaha untuk membincangkan masalah-masalah seni silat Asean dengan Gabenor Jakarta yang kebetulan juga menjadi Ketua Umum dan Pengurus Besar Ikatan Pencak Silat Indonesia.

Dengan terbentuknya gabungan seni silat Asean, ia akan dapat menolong mengeratkan hubungannya dengan negara-negara anggota Asean.

Bila menyetuh tentang Pesta Silat Kebangsaan '77 dan demonstrasi silat tiga negara yang akan berlangsung di sini pada 6 dan 7 Ogos nanti, dia menjelaskan:

"Sambutan yang diterima sejauh ini sungguh memuaskan. Lebih 85 peratus tiket untuk menyaksikan pertunjukan dua malam itu telah dijual. Kami yakin jumlah tiket yang akan terjual kelak 100 peratus."

Pesta Silat itu akan disertai oleh Indonesia dan Malaysia yang dipercayal akan mengirim peserta-pesertanya yang handal. Pesta itu juga dimaksud sebagai salah satu acara